

Kampus tetap KUTKM akan dibina akhir tahun

Archival News | Utusan Malaysia | 05/06/2001

MELAKA 4 Jun _ Kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal, Alor Gajah akan dibina selewat-lewatnya akhir tahun ini dan dijangka siap pada hujung tahun 2003.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Mohd. Saleh Sulong berkata, kampus tetap itu akan dibina di kawasan 289.2 hektar yang terletak berhampiran dengan Kolej Yayasan Saad.

Menurutnya, sebagai permulaan, pelajar perintis KUTKM yang akan mendaftar diri pada 10 Jun ini akan memulakan pengajian di kampus sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh.

``Kumpulan pelajar pertama berjumlah 350 orang ini akan mengikuti tiga kursus pengajian iaitu Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Teknologi Maklumat; dan Komunikasi,'' katanya ketika ditemui semasa mesyuarat pertama ahli lembaga pengarah KUTKM di sini baru-baru ini.

Mohd. Saleh memberitahu, hampir 200 orang daripada kumpulan perintis KUTKM ini merupakan lulusan politeknik manakala bakinya adalah lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau matrikulasi.

``Peluang lebih besar diberikan kepada pemegang sijil atau diploma yang mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya empat tahun untuk memasuki kolej ini bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi,'' katanya.

Beliau turut memberitahu, dua kursus baru akan ditawarkan pada sesi kemasukan pelajar Disember depan iaitu Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Pembuatan.

(Source : Utusan Malaysia)